



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM *HARMONY* 2023 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

26 FEBRUARI 2023, KUCHING (SARAWAK) – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini merasmikan ‘Program Harmony 2023 Peringkat Negeri Sarawak’ bertempat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, Jalan Litaran DUN, Petra Jaya Kuching, Sarawak.

2. Program *Harmony* merupakan **program turun padang** yang membuktikan komitmen dan tanggungjawab terpenting pemimpin terhadap **kesejahteraan dan kebajikan masyarakat setempat**. Langkah proaktif ini akan memberi impak ketara kepada keperibadian dan sahsiah diri rakyat menerusi penerapan nilai-nilai kemanusiaan dan keharmonian, kasih sayang, hormat-menghormati serta menghargai kepelbagaian dan kemakmuran negara.

3. Program sehari ini tidak hanya terhad di satu lokasi sahaja, malah dianjurkan secara **di seluruh negara** mulai **18 sehingga 26 Februari 2023**. Dijangka seramai 1,500 peserta menerima manfaat langsung program ini.

4. Program ini mendapat sokongan dengan **tindakan kolaboratif 400 orang sukarelawan** merentasi pelbagai organisasi termasuk **Kerajaan Persekutuan** yang diterajui oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bersama **pemegang taruh** seperti Kerajaan Negeri; Agensi-Agensi Kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Kesihatan; pemimpin pelbagai agama; pemimpin masyarakat tempatan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang diwakili oleh Pertubuhan-Pertubuhan Agama, badan-badan korporat, Sekretariat Rukun Negara (SRN), Kelab Rukun Negara (KRN) dan golongan belia dalam penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan sosial ini.

5. **Tema** kali ini adalah ‘**Malaysia Madani Dalam Kepelbagaian Agama**’ adalah bertepatan dengan konsep perpaduan yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri kesepuluh pada 19 Januari 2023. Tema ini turut menyokong **ENAM Rukun Malaysia Madani** iaitu:

- (i) Kemampanan;
- (ii) Kesejahteraan;
- (iii) Daya cipta;
- (iv) Hormat;
- (v) Keyakinan; dan
- (vi) Ihsan.

6. Program ini didukung oleh **LIMA matlamat** yang jelas iaitu:
- (i) Mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan keharmonian antara penganut-penganut agama;
 - (ii) Menyampaikan mesej toleransi, perpaduan dan kerjasama rakyat Malaysia dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi selama ini;
 - (iii) Menggalakkan semua lapisan masyarakat untuk memainkan peranan dalam pembinaan bangsa negara dan mengekalkan keamanan dan perpaduan negara;
 - (iv) Menggalakkan perkongsian maklumat menerusi dialog persefahaman serta kerja-kerja kesukarelawan di antara penganut agama; dan
 - (v) Mengukuhkan semangat kesepaduan penganut pelbagai agama dalam menghadapi cabaran masa hadapan.
7. Program sebegini dapat mengeratkan hubungan persaudaraan melalui kerja-kerja kesukarelawan bersama warga emas terutamanya penghuni Rumah Seri Kenangan Kuching serta warga emas dari persatuan pelbagai agama. Program yang serupa juga telah dilaksanakan di institusi kebajikan seluruh negara seperti Pusat Jagaan Sinar Kasih iaitu rumah orang tua, pusat jagaan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti Taman Sinar Harapan, Bengkel Daya dan Rumah Ehsan mahupun Rumah Kanak-Kanak.
8. Program yang diadakan pada hari ini membolehkan NGO pelbagai penganut agama dapat beramah mesra bersama warga emas, *harmony lunch* serta penyampaian sumbangan bakul Rahmah kepada warga emas.
9. Hasrat murni pelaksanaan Program Harmony ini menunjukkan keprihatinan pelbagai pihak kepada semua kumpulan sasar di Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian. Selain usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan semangat perpaduan dan keselamatan dan keharmonian negara.
10. Saya menyeru agar setiap rakyat perlu sedar, serius dan berganding bahu untuk mengangkat semula semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat dalam negara ini.

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Kementerian Perpaduan Negara)**

26 Februari 2023

-TAMAT-

Pertanyaan media

Bahagian Korporat,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

No Tel : 019-267 1075 (YM Tengku Nor Liza Tengku Yahya), 019-39239 379 (Jasittha)

E-mail: projpnin@perpaduan.gov.my

No rujukan: JPN.01/483/12 (5)